

Ambil tindakan blog sebar ajaran sesat

» **JAKIM, SKMM perlu tegas ke atas pengendali jejaya keamanan**

Oleh **Luqman Arif Abdul Karim dan Syalikhha Sazili.**
bhnews@mediaprima.com.my

► **Kuala Lumpur**

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) perlu mengambil tindakan tegas ke atas pengendali lebih 60 laman blog yang me-

nyebarkan ajaran sesat.

Ini kerana isu berkenaan bukan hanya membabitkan soal akidah tetapi boleh menjejaskan keamanan dan ketenteraman dalam negara.

Penasihat Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), Datuk Noh Gadut, berkata pihak yang mencetuskan masalah itu sama ada Islam atau sebaliknya, dilihat sebagai penganiayaan kepada agama dan dikhuatiri tergolong dalam kalangan murtad.

Usah perlekeh al-Quran

Beliau berkata, al-Quran ialah sebahagian daripada Rukun Islam dan ia tidak boleh diperlekehkan.

“Sikap tunggu dan lihat pihak berkuasa dalam memerangi anasir jahat ini akan me-

nyebabkan ia semakin berleluasa dan sukar dikawal,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau mengulas laporan muka depan BH semalam mengenai lebih 60 laman blog dikesan aktif menyebarkan ajaran sesat walaupun disekat pihak berkuasa.

Dalang galak murtad

Noh yang juga bekas Mufti Johor berkata, beliau yakin dalang di sebalik tercetusnya gejala itu dibayar oleh pihak yang berniat untuk memurtadkan lebih ramai umat Islam terutama golongan muda.

Sehubungan itu, katanya, Kementerian Dalam Negeri (KDN) wajar mewujudkan panduan khusus serta pe-

“*Sikap tunggu dan lihat pihak berkuasa dalam memerangi anasir jahat ini akan menyebabkan ia semakin berleluasa dan sukar dikawal*”

Noh Gadut,
Penasihat Majlis Agama Islam Johor

nguatkuasaan berlesen kepada individu yang diperakui jabatan berkaitan sebelum mengulas isu berhubung agama.

Pendakwah bebas, Ahmad Shukri Yusoff, pula berkata penyebaran ayat al-Quran yang meragukan di laman sosial boleh mengundang kekufuran dan menjejaskan inti pati penggunaannya.

Justeru, katanya, masyarakat perlu sedar kepentingan ayat al-Quran bukan sekadar doa untuk mengubati penyakit, sebaliknya ia hidayah yang perlu pemahaman dan rujukan pakar agama.